

ANALISIS BALAGHAH TENTANG AYAT-AYAT AL-MARADH DALAM AL-QURAN

[THE ANALYSIS OF BALAGHAH ON AL-MARADH VERSES IN THE QUR'AN]

NORMILA NORUDDIN^{1*}

NAJIHAH ABDUL WAHID¹

RAJA HAZIRAH RAJA SULAIMAN¹

NOOR ANIDA AWANG¹

¹Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

*Corresponding author: sufisari261@gmail.com

Received Date: 20 June 2022 • Accepted Date: 30 August 2022

Abstrak

Penelitian tentang tafsiran ‘al-maradh’ dalam al-Quran kurang diketengahkan dalam tempoh situasi negara mendepani pelbagai isu-isu tentang penyakit masa kini. Terdapat ayat-ayat al-Quran menjelaskan tentang ‘al-maradh’ yang mungkin boleh dikaitkan dgn situasi ini. Artikel ini bertujuan mengenal pasti beberapa istilah ‘al-maradh’ yang terdapat dalam ayat al-Quran serta melihat makna dari aspek Balaghah di sebalik perkataan tersebut. Kajian kualitatif ini melibatkan pemerolehan data secara analisis kandungan dan analisis dokumen. Analisis secara deskriptif dilakukan berdasarkan *Tafsir al-Wasit* dan *Tafsir al-Munir* oleh Wahbah al-Zuhaili bagi melihat makna tersirat di sebalik penggunaan kosa kata ini. Dapatkan artikel ini menunjukkan terdapat 12 perkataan ‘al-maradh’ dalam al-Quran yang memberikan pelbagai sudut tafsiran berkaitan penyakit. Justeru, analisis artikel ini diharap dapat memberi pencerahan berkaitan tafsiran istilah ‘al-maradh’ dalam al-Quran dan elemen-elemen Balaghah yang berkaitan dengannya.

Kata kunci: Maradh, Ayat al-Quran, Gaya Bahasa Arab, Balaghah, Penyakit

Abstract

*Research on the interpretation of 'al-maradh' in the Quran is less highlighted in the period of the country's situation facing various issues about current diseases nowadays. There are verses in the Quran explaining about 'al-maradh' which may be related to this situation. This article aims to identify some of the terms 'al-maradh' found in the verses of the Qur'an as well as to see the meaning from the Balaghah aspects behind the word. This qualitative study involves data acquisition through content analysis and document analysis. Descriptive analysis is done based on *Tafsir al-Wasit* and *Tafsir al-Munir* by Wahbah al-Zuhaili to see the implied meaning behind the use of this vocabulary. The finding of this article shows that there are 12 words 'al-maradh' in the Quran that provide various interpretation angles related to illness. Therefore, the analysis*

of this article is expected to shed light on the interpretation of the term 'al-maradh' in the Qur'an and the elements of Balaghah related to it.

Keywords: Maradh, Quranic Verses, Arabic Language Styles, Balaghah, Disease.

Cite as: Normila Noruddin, Najihah Abdul Wahid, Raja Hazirah Raja Sulaiman & Noor Anida Awang. 2022. Analisis Balaghah tentang Ayat-ayat *al-Maradh* dalam al-Quran [The Analysis of Balaghah on *al-Maradh* Verses in the Qur'an]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(2): 1-13.

PENGENALAN

Ilmu Balaghah telah wujud sebelum kedatangan Islam ke dunia ini. Pada zaman Jahiliyah, Balaghah belum dikenali sebagai satu disiplin ilmu yang berkembang seperti hari ini dengan penggunaan istilah-istilah yang jelas. Balaghah adalah ungkapan Arab yang tinggi lagi indah, dikenali melalui teks-teks *syi'ir* mahupun *natsr*. Setelah kedatangan Islam, perhatian masyarakat Arab terhadap Balaghah semakin mendapat tempat. Ini disebabkan wujudnya al-Quran sebagai kitab suci umat Islam yang sempurna, dengan keestetikaan lafaz serta gaya bahasanya yang membuat masyarakat Arab terpegun dan kagum dengan makna yang mendalam dan gaya bahasanya yang elok (Adib, 2021).

Kehebatan ilmu Balaghah dalam menggali makna tersirat ayat al-Quran tidak harus diketepikan. Al-Quran juga menjadi panduan utama rujukan dalam pembelajaran Balaghah (Nazri et al., 2017). Terdapat perkataan '*al-maradh*' dalam al-Quran yang harus diterokai maknanya berkaitan penyakit. Setiap penyakit, ada penawarnya. Allah berfirman dalam surah Yunus, ayat 57:

يَأَيُّهَا أُنَانْسُ قَدْ جَاءَتُكُم مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشَفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya : Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat dan pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang yang beriman.

Ishak et al. (2021) mengulas bahawa al-Quran diutuskan sebagai rawatan penyembuhan penyakit dan menjamin kesihatan fizikal yang baik selain daripada membentuk peribadi dan syakhsiyah mulia. Setiap penyakit, ada rawatannya. Dalam al-Quran terdapat empat tempat perkataan *syifa'* yang bermaksud penyembuhan iaitu dalam surah Yunus: 57, al-Nahl: 69, al-Isra': 82 dan Fussilat: 44. Setiap satu ayat memberi makna kesembuhan dengan tafsiran yang berbeza-beza. Begitu juga dalam hadis terdapat perbahasan tentang penyakit dan penawarnya (Esma et al., 2021). Oleh yang demikian, usaha dan ikhtiar untuk penyembuhan adalah sesuatu yang dituntut dalam agama dan tidak hanya berserah kepadaNya semata-mata. Sebagaimana hadis ada menyebut:

ما أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شَفَاءً (صحيح البخاري)

Maksudnya: Allah tidak akan menurunkan sesuatu penyakit melainkan padanya terdapat *syifa'* penyembuhan (Sahih al-Bukhari, no. Hadith: 5678)

TAKRIFAN PERKATAAN AL-MARADH

Istilah ‘*al-maradh*’ merupakan perkataan khusus dalam al-Quran yang merujuk makna penyakit, iaitu menderita sesuatu yang menyebabkan seluruh atau sebahagian tubuh badan tidak sihat atau segar (Noresah, 2021). Menurut kamus al-Miftah (2008) dan al-Marbawi cetakan keempat, perkataan ini berasal daripada tiga huruf (م ر ض) bermaksud sakit. Dalam Islam, perawatan terhadap penyakit adalah sesuatu yang dituntut (Masruri et al., 2021), sama ada penyakit fizikal ataupun penyakit spiritual. Menurutnya, penyakit fizikal merupakan penyakit yang terkena pada anggota fizikal seseorang, yang jelas terdapat pada badan fizikal serta boleh dirasai sakit pada tubuh badan seperti demam, batuk, lumpuh, barah dan sebagainya. Adapun penyakit spiritual pula merupakan sejenis penyakit berkenaan rohani atau jiwa seseorang dan tidak boleh dilihat pada bentuk fizikal dengan mata kasar seperti kerisauan, keresahan, kebingungan, kebuntuan, kemurungan, rasa takabbur, dengki, dendam dan sebagainya. Dalam kitab *Ma’ani al-Quran wa I’rabuhu* oleh al-Zajjaj, perkataan ‘*maradh*’ juga memberi maksud penyakit hati yang memiliki sifat nifaq. Menurut Yuni (2020), nifaq adalah suatu perbuatan yang lahir dan batinnya tidak sama. Secara lahiriah beragama Islam, namun jiwanya atau batinnya tidak beriman. Munafik adalah orang yang melakukan perbuatan nifaq, iaitu orang yang secara lahiriah mengaku beriman kepada Allah, mengaku beragama Islam, bahkan dalam beberapa hal kelihatan seperti bertindak untuk kepentingan Islam, tetapi sebenarnya hatinya mempunyai maksud lain yang tidak didasari iman kepada Allah. Apabila hati memiliki sifat nifaq, maka akan menjaskan keseluruhan tubuh badan (al Zajjaj, 2005). Terdapat 12 tempat perkataan ‘*maradh*’ disebut dalam al-Quran (Basmeh, 2007) yang bermaksud ‘penyakit’. Pendekatan tentangnya diuraikan di bawah.

AYAT-AYAT MARADH DALAM AL-QURAN

Berikut disenaraikan ayat-ayat ‘*maradh*’ dalam al-Quran beserta tafsiran dan huraian ringkas berkenaan.

فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادُهُمْ أَلَّا يَعْلَمُونَ كَانُوا يَكْذِبُونَ (آلـبقرة : 10)

Maksud: Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperinci sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran) (Surah al-Baqarah: 10)

Maradh al-qulub menurut (Haron, 2016) merujuk kepada penyakit hati yang bukan penyakit jasmani secara zahir, merupakan penyakit syak atau sifat waswas dan berprasangka buruk terhadap sesuatu. Penyakit hati banyak dideritai oleh manusia dari segenap lapisan masyarakat, telah menjadi wabak yang merisaukan di akhir zaman ini. Kerisauan makin bertambah jika seseorang memiliki keimanan yang lemah sehingga gagal memahami ajaran Islam dan tidak mampu menjalankan tanggungjawab dengan sempurna sebagai seorang mukmin yang beriman dan bertaqwa (Karim, 2017). Di dalam ayat ke-10 surah al-Baqarah ini Allah s.w.t menerangkan sifat-sifat orang munafik yang merosakkan agama Allah, mereka wujud sejak dulu hingga kini. Pada zahirnya mereka mengaku keesaan Allah s.w.t dan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w, akan tetapi hakikatnya mereka tidak beriman, hatinya bertentangan dengan apa yang diperkatakan, dan amalan mereka juga tidak mengikut apa yang disyariatkan (Noresah, 2021). Perkataan ‘*maradh*’ dalam ayat ini memberi maksud penyakit hati yang bersifat syak wasangka (Haron, 2016), sifat kepura-puraan dan sifat penipuan dalam kalangan orang-orang munafik. Mereka merupakan kaum yang hidup dalam keadaan saling fitnah memfitnah antara satu sama lain, mengintip sesama mereka untuk mencetuskan pergaduhan sehingga berlaku kerosakan demi kerosakan (Zuhaili, 2000). Akan tetapi, mereka masih mengakui diri mereka sebagai ‘*musleh*’ iaitu sentiasa membuat kebaikan di muka bumi ini.

فَتَرَى الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ يُسْرِعُونَ فِيهِمْ يَقُولُونَ تَحْشِئَ أَنْ تُصِيبَنَا دَآئِرَةٌ فَعَسَى اللَّهُ أَنْ يَأْتِيَ
بِالْفَتْحِ أَوْ أَمْرٍ مِنْ عِنْدِهِ فَيُصِيبُهُمْ خَوْلًا مَا أَسْرُوا فِي أَنفُسِهِمْ ثَلِمَيْنَ (المائدة : 52)

Maksud: Dalam pada itu, engkau lihat orang-orang (munafik) yang ada penyakit dalam hatinya segera berusaha mendampingkan diri kepada mereka (Yahudi dan Nasrani), sambil berkata: "Kami takut bahawa kami akan ditimpa bencana (yang memaksa kami meminta pertolongan mereka)". Mudah-mudahan Allah akan mendatangkan kemenangan (kepada RasulNya dan umat Islam) atau mendatangkan sesuatu hukuman dari sisiNya (terhadap golongan yang munafik itu); maka sebab itu mereka akan menyesal mengenai apa yang telah mereka sembunyikan dalam hatinya (Surah al-Maidah: 52)

Dalam ayat ini, Allah s.w.t melarang daripada mengambil orang munafik sebagai pemimpin dan ketua yang menjadi ikutan mereka. Adapun bagi orang yang lemah imannya, hati-hati mereka mudah terpedaya dengan hasutan kaum munafik malah tetap mengambil mereka sebagai ketua (Zuhaili, 2000). Sifat hati orang munafik yang sakit, sentiasa berbolak balik dalam berkata-kata tidak boleh dijadikan sebagai ketua yang menjadi contoh dan ikutan.

إِذْ يَقُولُ الْمُتَّفِقُونَ وَالَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ غَرَّ هَؤُلَاءِ دِينُهُمْ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ
حَكِيمٌ (الأనفال: 49)

Maksud: Ingatlah ketika orang munafik dan orang yang ada penyakit syak dalam hatinya berkata: "Orang Islam itu telah diperdayakan oleh agama mereka

sehingga mereka berani menentang kami yang lebih besar bilangannya". Dan yang sebenarnya sesiapa yang bertawakal kepada Allah dengan sepenuh-penuh yakin, maka Allah akan menolongnya untuk mengalahkan musuh yang lebih besar bilangannya, kerana Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana (Surah al-Anfal: 49)

Dalam surah al-Anfal ayat 49, rentetan peristiwa yang berlaku dalam perang Badar, Allah s.w.t menceritakan kedudukan dan pendirian syaitan terhadap orang kafir semasa perang Badar dan juga keadaan orang munafiq di dalam peperangan tersebut. Di dalam ayat ini, perkataan ‘*maradh*’ bererti penyakit, iaitu sifat-sifat yang tidak elok berada dalam hati orang munafik seperti sifat syak, kedengkian terhadap orang Islam dan juga sesama mereka, suka berpura-pura dan menipu antara satu sama lain, sifat dendam, bangsat dan jahat (Zuhaili, 2000). Sifat-sifat keji yang bersarang di hati boleh merosakkan tubuh badan jika tidak dirawat dengan sempurna.

وَأَمَّا الْذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَرَأَدُوهُمْ رِجْسًا إِلَى رِجْسِهِمْ وَمَا تُوْفِيْ وَهُنْ كَفِرُونَ (التوبه : 125)

Maksud: Adapun orang yang ada penyakit kufur dalam hati mereka maka surah al-Quran itu menambahkan kekufturan yang ada pada mereka; dan mereka mati, sedang mereka berkeadaan kafir (Surah al-Taubah: 125)

Allah s.w.t menerangkan pendirian orang munafik terhadap ayat-ayat suci al-Quran yang diturunkan. Ayat 125 surah al-Taubah ini menyatakan kegembiraan orang beriman ketika diturunkan ayat-ayat suci al-Quran dan sudah tentu akan bertambah keimanan mereka dengan asbab penurunan ayat suci al-Quran. Adapun orang kafir mereka menolak penurunan ayat-ayat al-Quran, mendustai dan mengingkarinya. Manakala kaum munafik pula mereka tidak menyukai ayat-ayat al-Quran malah mengejek dan mencemuh ayat-ayat al-Quran yang diturunkan (Zuhaili, 2000). Penurunan ayat al-Quran bagi mereka akan lebih menambahkan keingkaran dan kekufturan disebabkan sikap buruk yang mempersendakan kandungan ayat suci al-Quran sehingga akhirnya mereka mati dalam kekufturan.

لِيَجْعَلَ مَا يُلْقِي الْشَّيْطَانُ فِتْنَةً لِلَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ وَالْقَاسِيَةُ قُلُوبُهُمْ وَإِنَّ الظَّالِمِينَ لَفِي شَقَاقٍ
بَعِيدٌ (الحج : 53)

Maksud: Yang demikian kerana Allah hendak menjadikan hasutan syaitan itu sebagai satu fitnah cubaan bagi orang yang ada penyakit kufur ingkar dalam hati mereka, dan yang hatinya keras membatu; sesungguhnya orang yang zalim itu sentiasa berada dalam pertentangan yang jauh dari kebenaran (Surah al-Hajj: 53)

Penyelewengan syaitan terhadap ayat-ayat al-Quran telah diterangkan dalam ayat di atas. Sifat syaitan yang tidak percaya dan ingkar akan perintah Allah, malah membisik-bisik

dan mengajak manusia agar sama-sama terpesong dan tidak mempercayai ayat al-Quran yang diturunkan. Menurut ayat ini, syaitan telah mengajak manusia agar percaya kepada berhalaberkala, dan meninggalkan suruhan dan dakwah yang diseru oleh Nabi. Maka Allah s.w.t menegaskan bahawa syaitan adalah pendusta dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. Adapun bagi yang mempercayai ajakan syaitan, maka hati-hatinya telah keras dan berpenyakit syak wasangka terhadap ajaran Nabi (Zuhaili, 2001). Sesungguhnya, sifat hati yang berpenyakit tidak menyukai perkara kebaikan dan cenderung mengikuti ajakan syaitan.

أَفِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ أَمْ أُرْتَأَبُوْنَ أَمْ يَحْيَفَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَرَسُولُهُ، بَلْ أُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ (النور

(50 :

Maksud: Mengapa mereka bersikap demikian, adakah kerana hati mereka mengandungi penyakit (kufur), atau kerana mereka ragu-ragu (terhadap kebenaran hukuman), ataupun kerana mereka takut bahawa Allah dan RasulNya akan berlaku zalim kepada mereka? (Allah dan RasulNya tidak sekali-kali akan berlaku zalim) bahkan mereka sendiri orang yang zalim (disebabkan keraguan dan kekufuran mereka) (Surah an-Nur: 50)

Ayat ke-50 surah an-Nur menyifatkan kesesatan yang nyata orang munafik dan orang kafir. Mereka berkeras enggan menerima suruhan agama malah kekal dalam kesesatan dan kekufuran. Meskipun terdapat pelbagai bukti kebesaran dan keagungan Allah yang jelas dan nyata, mereka tetap berpura-pura dan tidak mengakui kebenaran ajaran yang diterima, walhal pada hakikatnya, jauh di sudut hati mereka menolak sekeras-kerasnya dan kekal dengan kekufuran. Demikian apabila di dalam hati mereka terdapat penyakit yang membawa dirinya ke lembah kesesatan dan kemurkaan Allah (Zuhaili, 2001).

وَإِذْ يَقُولُ الْمُنْتَقِفُونَ وَالَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ مَا وَعَدَنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ، إِلَّا غُرُورًا (الأحزاب : 12)

Maksud: Dan (ingatlah) ketika orang munafik dan orang yang berpenyakit dalam hatinya berkata: "Allah dan Rasul-Nya tidak menjanjikan kepada kami melainkan tipu daya" (Surah al-Ahzab: 12)

**يَنِسَاءُ النَّبِيِّ لَسْتُنَ كَاحِدٌ مِنَ النِّسَاءِ، إِنِّي أَتَقِيَّنَ فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ
وَقُلْنَ قَوْلًا مَعْرُوفًا (الأحزاب : 32)**

Maksud: Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti perempuan yang lain kalau kamu tetap bertaqwa. Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu), dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan) (Surah al-Ahzab: 32)

﴿لَئِنْ لَمْ يَتَّهِ الْمُنْتَقِفُونَ وَالَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ وَالْمُرْجُفُونَ فِي الْمَدِينَةِ لَنَعْرِيَنَّكَ بِهِمْ ثُمَّ لَا يُجَاوِرُونَكَ فِيهَا إِلَّا قَلِيلًا﴾ (الأحزاب : 60)

Maksud: Demi sesungguhnya, jika orang munafik, dan orang yang ada penyakit (syak ragu-ragu) dalam hatinya, serta orang yang menyebarkan berita-berita dusta di Madinah itu tidak berhenti (dari perbuatan jahat masing-masing), nescaya Kami akan mendesakmu memerangi mereka; sesudah itu mereka tidak akan tinggal berjiran dengamu di Madinah lagi melainkan sebentar sahaja (Surah al-Ahzab: 60)

Istilah ‘*maradah*’ dalam ketiga-tiga ayat surah al-Ahzab lebih merujuk pada penyakit hati walaupun ketiga-tiganya diturunkan pada situasi berbeza-beza. Ayat 12 tentang peperangan Khandak dan Bani Quraizah, ketika Rasulullah menggali parit sebagai benteng pertahanan perang mereka, maka Allah mengeluarkan batu putih dari parit tersebut dan berlaku beberapa siri keajaiban yang menambahkan lagi keimanan terhadap ajaran Islam. Ayat 32 adalah tentang ciri-ciri isteri Nabi yang baik, sifat-sifat mulia yang perlu dijaga sebagai ikutan ummat selepasnya, juga sebagai panduan untuk golongan kaum muslimat khususnya. Di sini Allah mengajar kita cara-cara bermuamalat dan bercakap dengan para lelaki ajnabi, agar tidak melengkok-lengkokkan suara sehingga mencetuskan rasa dan niat yang tidak baik di hati para lelaki-lelaki yang jahat. Ayat seterusnya dalam surah al-Ahzab pada ayat 60, tentang suruhan melabuhkan hijab, serta balasan terhadap orang munafik yang menentang suruhan tersebut. Allah menyuruh Nabi agar mengajar para isteri supaya melabuhkan tudung sehingga menutupi paras dada, juga menutup keseluruhan tubuh wanita kecuali muka dan keduaa-dua tapak tangan. Keadaan tersebut adalah lebih baik untuk menjaga maruah wanita daripada dipermain-mainkan oleh golongan lelaki jahat. Adapun golongan munafik, mereka memperlekeh-lekehkan ajaran agama dan mempersendakan ayat al-Quran yang diturunkan. Mereka mula menghasut agar tidak patuh kepada ayat al-Quran dan tidak mengikuti ajaran Nabi yang menyusahkan bagi mereka (al Zuhaili, 1991a, 2001). Sememangnya, hati orang munafik sentiasa tidak berpuas hati dengan ajaran Nabi s.a.w yang benar.

وَيَقُولُ الَّذِينَ ءامَنُوا لَوْلَا نُزِّلَتْ سُورَةٌ فَإِذَا أُنْزِلَتْ سُورَةٌ مُحْكَمَةٌ وَذُكِرَ فِيهَا أُنْقَاتٌ لَا رَأَيْتَ الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ يَنْظُرُونَ إِلَيْكَ نَظَرًا مُغْشِيٍ عَلَيْهِ مِنَ الْمَوْتِ فَأَوْيَا لَهُمْ (محمد : 20)

Maksud: Dan (kerana gemarkan pahala berjuang menegakkan Islam) orang yang beriman berkata: "Alangkah baiknya sekiranya diturunkan satu surah (dari Al-Quran, yang memerintahkan kami berjuang)?" Maka apabila diturunkan satu surah (dari Al-Quran) yang tegas keterangannya dan tersebut padanya hukum-hukum yang mewajibkan perang Jihad (menentang pencerobohan musuh), sudah tentu engkau melihat orang yang ada penyakit (kufur) dalam hatinya memandang kepadamu dengan terbeliak matanya kerana gerun takut menghadapi mati; dengan yang demikian, maka kebinasaanlah lebih hampir kepada mereka (Surah Muhammad: 20)

Allah s.w.t menjelaskan keadaan orang mukmin dan orang munafik dalam menerima ajaran agama. Pendirian mereka saling berbeza dari pelbagai sudut; agama, hukum hakam, jihad, solat, zakat dan sebagainya. Orang mukmin menerima ajaran Allah dengan baik, mereka melakukan suruhan Allah s.w.t dengan betul dan mendengar ajaran Nabi Muhammad s.a.w dengan taat, dan menyebarkan juga ajaran-ajaran yang diterimanya kepada orang lain. Adapun orang munafik, hati-hati mereka terdapat perasaan syak dan curiga tentang ayat-ayat yang diturunkan, mereka sengaja berlengah dalam melaksanakan segala perintah Allah s.w.t, bahkan lebih suka membuat kerosakan dan kemusnahan yang terpesong dari ajaran agama yang benar (al Zuhaili, 2001).

أَمْ حَسِبَ الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرْضٌ أَنَّ لَنْ يُخْرِجَ اللَّهُ أَضْعَفَتْهُمْ (محمد : 29)

Maksud: Atau apakah orang yang ada penyakit dalam hatinya mengira bahwa Allah tidak akan menampakkan kedengkian mereka? (Surah Muhammad: 29)

Allah s.w.t menegaskan tentang keperluan memahami ayat-ayat al-Quran dan tadabbur isi kandungannya agar tidak jahil dan terpesong dari landasan agama yang benar. Ajaran-ajaran yang dibawa oleh al-Quran adalah panduan terbaik dalam kehidupan. Justeru, Allah s.w.t. menyuruh agar menuruti ajaran yang baik, dan meninggalkan segala ajaran yang terpesong. Sebagaimana kaum munafik, mereka percaya kebenaran ajaran al-Quran tetapi tidak beramal dengannya, hati-hati mereka dipenuhi penyakit syak dan kepura-puraan, mereka memperlekehkan ayat al-Quran, bahkan dipujuk oleh syaitan agar menurutinya ke lembah kehinaan (al Zuhaili, 1991b, 2001).

وَمَا جَعَلْنَا أَصْحَابَ النَّارِ إِلَّا مَلِئَكَهُ وَمَا جَعَلْنَا عِدَّهُمْ إِلَّا فِتْنَةً لِلَّذِينَ كَفَرُوا لِيَسْتَقِيقَ الَّذِينَ أَوْتُوا
الْكِتَابَ وَيَزْدَادَ الَّذِينَ ءَامَنُوا إِيمَانًا وَلَا يَرْتَابَ الَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَابَ وَالْمُؤْمِنُونَ لَا وَلِيَقُولُ الَّذِينَ فِي
قُلُوبِهِمْ مَرْضٌ وَالْكُفَّارُ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهِمْ كَذِيلَكَ يُضْلِلُ اللَّهُ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَمَا
يَعْلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ وَمَا هِيَ إِلَّا ذِكْرًا لِلْبَشَرِ (المدثر : 31)

Maksud: Dan (ketahuilah bahawa hikmah) Kami tidak menjadikan pengawal-pengawal neraka itu melainkan (dari kalangan) malaikat, (kerana mereka lahir sekuat-kuat dan sebenar-benar makhluk yang menjalankan perintah Kami); dan (hikmah) Kami tidak menerangkan bilangan mereka melainkan dengan satu bilangan yang menyebabkan kesesatan dan kesengsaraan orang kafir itu, supaya orang yang diberi Kitab (Yahudi dan Nasrani) boleh percaya dengan yakin (akan kebenaran Al-Quran), dan supaya orang yang beriman bertambah imannya; dan juga supaya orang yang diberi Kitab dan orang yang beriman itu tidak ragu-ragu (tentang kebenaran keterangan itu); dan (sebaliknya) supaya orang (munafik) yang ada penyakit (ragu-ragu) dalam hatinya dan orang kafir berkata: "Apakah yang di maksudkan oleh Allah dengan menyebutkan bilangan ganjil ini?"

Demikianlah Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya), dan memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan tiada yang mengetahui tentera Tuhanmu melainkan Dia sahaja. Dan (ingatlah, segala yang diterangkan berkenaan dengan) neraka itu tidak lain hanyalah menjadi peringatan bagi manusia (Surah al-Muddaththir: 31)

Ayat terakhir dalam al-Quran yang menyebut perkataan ‘*maradh*’ terdapat di dalam Surah al-Muddaththir. Ayat tersebut menerangkan panduan dakwah awal Nabi Muhammad s.a.w, halangan-halangan yang dihadapinya, peringatan dan ancaman Allah terhadap orang kafir dan ketua-ketua mereka yang menentang dakwah baginda, dan sifat sabar Nabi terhadap tentangan dan kesulitan yang dihadapinya. Mereka menentang dakwah Rasulullah walaupun berbagai-bagi nikmat yang telah Allah kurniakan kepada mereka, namun mereka tetap tidak mempercayai kebenaran apa yang disampaikan (al Zuhaili, 2001). Adapun perkataan ‘*maradh*’ dalam ayat ini adalah sifat keji yang ada pada munafik Madinah, mereka sentiasa rasa ragu-ragu terhadap apa yang disampaikan, dan merasa keliru dengan kebenaran apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. (al Zuhaili, 1991c).

ASPEK BALAGHAH DALAM AYAT AL-MARADH

Pada dasarnya, pemahaman terhadap ayat-ayat suci al-Quran adalah penting bagi memandu manusia ke jalan yang lurus. Kepelbagaiannya situasi zahir pendengar menjadi asas utama kepada ketepatan pemilihan perkataan dan pembinaan kontekstual ayat yang sesuai (Normila et al., 2022). Pemahaman makna ayat berdasarkan konteks ilmu Balaghah membantu lebih mendalami maknanya. Dalam meneliti makna-makna Balaghah di sebalik ayat-ayat *al-maradh*, terdapat pelbagai aspek Balaghah boleh diperjelaskan. Namun, empat aspek Balaghah sahaja akan dijelaskan seperti berikut:

1. Gaya Bahasa Pendepanan Dalam Ayat *Al-Maradh* (التقديم ما حقه التأخير)

Dalam kaedah penulisan bahasa Arab, penyusunan perkataan sesuatu ayat mempunyai maknanya yang tersendiri. Pendepanan ialah mendahulukan sesuatu unsur dalam ayat bertujuan memberi penekanan kepada maksud tertentu (Mohd Zaki et al., 2019). Kaedah ini dibincangkan dalam ilmu *ma’ani*.

Daripada analisis ayat-ayat al-Quran terhadap 12 perkataan ‘*maradh*’, penggunaan kaedah (التقديم ما حقه التأخير) digunakan iaitu meletakkan perkataan yang utama di hadapan untuk penegasan walaupun kedudukan asalnya adalah di belakang ayat. Sebagai contoh: في قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ. Kaedah asal dalam penulisan bahasa Arab menyatakan ayat yang lengkap terdiri daripada dua perkataan atau lebih dan memberi makna yang sempurna sama ada ayat tersebut bermula dengan kata nama, kata kerja ataupun frasa yang menyerupai ayat yang lengkap (Mughlasah, 2002).

Manakala ayat في قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ sebagaimana di dalam al-Quran, menggunakan struktur pendepanan perkataan yang sepatutnya berada di belakang. Kaedah asal pada ayat ini adalah

مَرْضٌ فِي قُلُوبِهِ iaitu ayat jumlah ismiyyah yang didahului dengan kata nama. Akan tetapi, menterbalikkan susunan dan kedudukan asal sesuatu perkataan bukanlah satu kesalahan jika sesuai dengan makna yang ingin disampaikan, malah lebih mendalam maknanya jika dikaji dari aspek bahasa dan dilihat dari sudut Balaghah dengan gaya bahasanya yang unik. Ia memberi makna penegasan pada perkataan yang berada di hadapan. Ini menunjukkan bahawa sesungguhnya di dalam hati manusia memang terdapat penyakit rohani yang jika dibiarkan akan merosakkan keseluruhan tubuh badan, iaitu sifat nifaq yang tidak baik disimpan di dalam hati. Sifat nifaq itu ialah berlaku baik apabila berhadapan dengan seseorang, dan sebaliknya apabila berada di belakang akan melakukan perkara yang berlawanan. Dengan kata lain, perbuatan yang dilakukan tidak sama dengan apa yang diungkapkan (Yuni, 2020). Ungkap perkara baik, tapi buat yang tidak baik. Ini adalah sifat orang munafik yang paling ketara. Gaya bahasa pendepan juga boleh dilihat dalam ayat berikut:

فَيُصِّبُّهُوا عَلَىٰ مَا أَسْرَوْا فِي أَنفُسِهِمْ نَذْمِنَ (المائدة : 52)

Perkataan كَانَ وَأَخْوَاتِهَا فَيُصِّبُّهُوا adalah adik beradik yang memerlukan isim dan khabarnya untuk melengkapkan ayat secara tersusun. Jika dilihat dalam ayat tersebut, kedudukan khabar yang berbentuk frasa (عَلَىٰ مَا أَسْرَوْا) telah berada di hadapan sebelum isimnya نَذْمِنَ. Ayat pendepan ini menunjukkan bahawa sesungguhnya Allah s.w.t memberi penegasan kepada orang yang telah menyembunyikan sesuatu sifat tidak baik di dalam hatinya, mereka itu orang munafik yang mengaku beriman kepada Allah dan Rasul, tetapi hakikatnya mereka berpaling, dan mereka ini kelak akan mendapat penyesalan yang tidak berkesudahan. Kaedah ini memberi makna penegasan kepada perkataan yang dibawa ke hadapan ayat itu.

وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ إِمَّا كَانُوا يَكْذِبُونَ (البقرة : 10)

وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ adalah ayat mengikut kaedah tatabahasa nahu arab yang sebenarnya iaitu menggunakan kata nama اسم pada awal ayat, dan ayat jenis ini dinamakan jumlah ismiyyah. Merujuk ayat 10 surah al-Baqarah, khabar (لهُمْ) berada di hadapan, dan mubtada' (عَذَابٌ أَلِيمٌ) berada di belakang. Pendepan khabar daripada mubtada'menunjukkan penegasan pada perkataan yang dibawa ke depan, bermaksud sesungguhnya bagi mereka orang munafik mendapat azab yang pedih di atas perbuatan mereka mendustakan agama Allah.

2. Gaya Bahasa Pengkhususan Dalam Ayat Al-Maradh (القصر)

Gaya bahasa pengkhususan ini banyak diketengahkan dalam ilmu *ma'ani*. Sebagaimana ayat ke-31 surah al-Muddaththir telah menjelaskan kesan terhadap orang-orang yang tidak mengikuti ajaran Allah, sama ada mereka golongan munafik ataupun kufur, maka Allah akan menambahkan lagi kekufturan kepada mereka yang inkar. Demikian itu sebagai peringatan yang jelas daripada Allah agar manusia berfikir. Kesan daripada tindakan tersebut dinyatakan dalam bentuk pengkhususan (قصر) yang jelas menggunakan huruf penafian (ما) dan pengecualian (إلا) di dalam ayat:

وَمَا هِيَ إِلَّا ذِكْرٌ لِلْبَشَرِ (المدثر : 31)

Ayat ini menjelaskan pengkhususan **هي** kepada perkataan **ذكْرٌ**, iaitu segala apa yang Allah telah lakukan kepada kaum munafik yang berpura-pura beriman dengan ayat-ayat Allah, maka itu menjadi peringatan kepada manusia di muka bumi ini.

Ayat 12 surah al-Ahzab juga datang dalam bentuk pengkhususan iaitu:

وَإِذْ يُقُولُ الْمُنَفِّقُونَ وَالْأَذْيَنَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرْضٌ مَا وَعَدَنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ إِلَّا غُرُورًا (الأحزاب : 12)

Allah s.w.t telah mengkhususkan ayat tersebut kepada kaum munafik yang suka berdolak dalik dalam berkata-kata. Apakah kesan daripada tindakan tersebut? Hakikatnya, Allah tidak memberi apa-apa janji melainkan tipu daya mereka sahaja. Pengkhususan terhadap janji Allah kepada orang munafik dalam ayat **مَا وَعَدَنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ إِلَّا غُرُورًا** tiada yang lain hanyalah sia-sia sahaja.

3. Gaya Bahasa *Khabar Inkari* Dalam Ayat *Al-Maradah*

Dalam ilmu Balaghah, gaya bahasa *khabar* (ayat penyata) adalah topik utama yang dibincangkan dalam ilmu *ma'ani*. Dalam al-Quran, Allah telah menyatakan dengan jelas di dalam ayat 49 surah al-Anfal agar tidak terpedaya dengan tipu daya dan janji manis kaum munafik yang mengajak manusia agar tidak mempercayai ayat-ayat suci al-Quran, bahkan perlu beriman dan bertakwa kepada ayat-ayat Allah dan allah maha bijaksana mengatur segenap urusan.

وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ (الأنفال : 49)

Ayat ini adalah *khabar inkari* iaitu ayat yang menggunakan lebih daripada satu kata penegasan iaitu **منْ شرطية** dan jawab syaratnya dalam bentuk penegasan juga iaitu **إِنْ**. Ini menunjukkan Allah melarang daripada mengikuti jejak kaum munafik, dan menyeru sungguh-sungguh agar bertawakkal menyerah diri kepada Allah. Penggunaan banyak kata penegasan di dalam ayat ini menunjukkan kekuatannya untuk melawan kata-kata orang yang inkar terhadap kebenarannya.

Dalam surah al-Hajj ayat ke-53 menggunakan jenis ayat *khabar inkari* dalam menyatakan kesan (sifat zalim) perbuatan orang munafik.

وَإِنَّ الظَّالِمِينَ لَفِي شِقَاقٍ بَعِيدٍ (الحج : 53)

Allah menegaskan sesungguhnya orang-orang yang zalim sentiasa berada di dalam kesusahan dan permusuhan.

4. Gaya Bahasa *Jinas* Dalam Ayat *Al-Maradh*

يَنْظُرُونَ إِلَيْكَ نَظَرًَ الْمَعْشِيِّ عَلَيْهِ مِنَ الْمَوْتِ فَأَوْلَىٰ لَهُمْ (محمد : 20)

Kelebihan memahami gaya bahasa jinas boleh diteliti dengan mendalam dalam ilmu badi'. Jinas merupakan perkataan yang sama tetapi memiliki makna yang berlainan. Ayat ke-20 surah Muhammad menggunakan kaedah jinas. Perkataan يَنْظُرُونَ adalah kata kerja manakala datang selepasnya perkataan نَظَرًَ. Perkataan tersebut asalnya sama, tetapi menggunakan pecahan perkataan yang berbeza antara kata kerja يَنْظُرَ dan kata nama terbitan نَظَرٌ memiliki makna juga berbeza. Maksudnya Allah menegaskan bahawa orang-orang munafik memandang kepada ayat-ayat Allah dengan pandangan yang menakutkan kerana mereka takut akan kematian yang akan menimpa.

KESIMPULAN

Sebagai rumusan, artikel ini telah menghuraikan 12 ayat-ayat ‘maradh’ yang terdapat dalam al-Quran. Penafsiran menurut Wahbah al-Zuhaili dalam kitab Tafsir al-Munir dan Tafsir al-Wasit memberi penjelasan yang jitu terhadap makna-makna ayat dan sebab penurunannya. Kupasan dari aspek Balaghah membantu pembaca lebih memahami maksud ‘maradh’ sepertimana yang terkandung dalam al-Quran serta dapat membongkar keunikian bahasa al-Quran yang terkenal dengan kemukjizatan gaya bahasanya. Terdapat tiga cabang ilmu Balaghah yang ketiga-tiganya membincangkan aspek gaya bahasa dari sudut yang pelbagai. Dan semestinya setiap satu cabang ilmu Balaghah mampu menonjolkan rahsia di sebalik makna ayat al-Quran yang tiada tandingannya. Dapatkan daripada artikel ini jelas menunjukkan bahawa pemahaman aspek Balaghah dalam mengupas makna perkataan ‘maradh’ memberi tafsiran dan fahaman yang tersendiri. ‘Maradh’ di dalam ayat al-Quran yang membawa maksud penyakit hati perlu kepada antivirus untuk mengubatinya dan tidak boleh membiarkannya membarah dalam diri. Pelbagai kaedah perawatan penyakit hati boleh dilakukan untuk mengubah manusia ke jalan kebaikan seperti bertaubat di atas segala kejahatan yang lalu dan menyesali sifat buruk dan perbuatan munkar yang telah dilakukan. Kehidupan yang kembali kepada ajaran al-Quran memandu manusia ke jalan yang betul dan selamat di dunia dan akhirat. Allah s.w.t. telah menciptakan sesuatu kepada manusia untuk memberi pengajaran, dan mengajak manusia mengenal jalan yang betul. Setiap apa yang berlaku adalah ketentuan Allah. Setiap penyakit adalah ciptaan Allah. Kita sebagai manusia wajib beriman kepadaNya dan berusaha serta bertawakkal mencari penawar dan jalan keluar bagi setiap masalah yang dihadapi. Cadangan kajian seterusnya adalah berkaitan tafsiran makna ‘maradh’ dari aspek Balaghah menggunakan gaya bahasa yang lain.

RUJUKAN

- Adib, M. (2021). *Kajian Balaghah mengenai “al-I’jaz, AL-Ithnab, dan al-Musawah” (Ilm al-Ma’ani)* (Issue May). Banjarmasin: Universitas Islam Negeri Antasari.
- Basmeh, A. (2007). *Tafsir Ar-Rahman Interpretation of the Meaning of the Qur'an: 30 Parts* (M. J. K. Islam (ed.). Putrajaya: Department of Islamic Development Malaysia.
- Esma, W., Ahmad, W., & Ishak, H. (2021). Prinsip Pemahaman dan Pengamalan Makanan Sunnah The Principles of Understanding and Consumption Of Sunnah Food. *Jurnal Al-Turath* 6(1): 56–68.
- Haron, Z. (2016). *Konsep Al-Shifā’ Dalam Al-Qur'an: Kajian Terhadap Metode Rawatan Ibn Qayyim Al-Jawziyyah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ishak, I., Rahman, S. A., Ibrahim, F. W., Haneefa, M. H. M., & Samhani, I. (2021). The Impact of Quran Memorization on Psychological and Health Well-Being. *Review of International Geographical Education Online* 11(8): 337–344.
- Karim, A. (2017). Makna “Maradh al-Qulub” Dalam al-Quran. *Hermeneutik: Jurnal Ilmu Al Quran Dan Tafsir*, 1. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1234/hermeneutik.v1i1.2.5526>
- Masruri, M., Husen Ismail, F., Kirin, A., Borham, A. S., Misbah, M., & Abdul Rahim, M. H. (2021). Konsep Terapi Nabi Saw Sebagai Alternatif Dalam Menangani Penyakit Fizikal Dan Spiritual. *Al Hikmah International Journal of Islamic Studies and Human Sciences* 4(1): 130–149. <https://doi.org/10.46722/hkmh.4.1.21f>
- Mohd Zaki, A. R., Hussin, M., & Che Radiah, M. (2019). *Pengantar Balaghah Bahasa Melayu Berpandukan Balaghah Arab*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mughalah, M. H. (2002). *al-Nahu al-Syafi* (3rd ed.). Muassasah al-Risalah.
- Nazri, A., Saipolbarin, R., & Muhammad Zulkifli, A. M. (2017). Keberkesanan Pengajaran Al-Balaghah Al-’Arabiyyah dengan Menggunakan Contoh Ayat Al-Quran. *Proceedings of the International Conference on the Teaching and Learning of Languages (ICTLL)*, April, 384–389.
- Noresah, B. (2021). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Normila, N., Najihah, A. W., Raja Hazirah, R. S., & Noor Anida, A. (2022). The Importance Of Tawkid Letter In The Learning Of Arabic Eloquence Through Quranic Verses. *International Journal Of Advanced Research In Islamic Studies And Education ARISE* 2(4): 1–9.
- Yuni, P. (2020). Konsep Iman , Kufur dan Nifaq. *Jurnal Penidikan Islam Dan Isu-IIu Sosial* 18(2): 28-41.
- al-Zajjaj. (2005). *Ma’ani al-Quran Wa I’rabuhu Lizzajjaj* (1st ed.). Jamiah al-Azhar: Darul Hadith
- al-Zuhaili, W. (1991a). *al-Tafsir al-Munir Fi al-Aqidah Wa al-Syariah Wa al-Manhaj* (J21-22) (1st ed.). Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Zuhaili, W. (1991b). *al-Tafsir al-Munir Fi al-Aqidah Wa al-Syariah Wa al-Manhaj* (J25-26) (1st ed.). Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Zuhaili, W. (1991c). *al-Tafsir al-Munir Fi al-Aqidah Wa al-Syariah Wa al-Manhaj* (J29-30) (1st ed.). Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Zuhaili, W. (2001). *al-Tafsir al-Wasit* (3rd ed). Damsyik: Dar al-Fikr.